

04/03/1999

Spekulator punca kerosakan ekonomi

SEMAKIN ramai masyarakat antarabangsa kini mula melihat dan menyedari keperluan untuk mengekang spekulator dan mencegah mereka daripada membawa lebih banyak kerosakan serta ketidakstabilan terhadap ekonomi.

Ini terbukti apabila semakin ramai ahli ekonomi, pertubuhan kewangan antarabangsa dan pemimpin dunia menggesa diwujudkan perubahan dalam struktur kewangan antarabangsa, termasuk Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Presiden Amerika Syarikat, Bill Clinton.

Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) yakin bahawa peningkatan gesaan ke arah pembaharuan struktur kewangan global berikutan kejayaan Malaysia dalam meredakan kegiatan spekulasi dan arus kemerosotan ekonomi.

Katanya, ketika krisis ekonomi Asia bermula pertengahan 1997, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menjadi pemimpin dunia pertama berani menuding jari kepada kemasukan wang jangka pendek sebagai punca utama krisis.

Namun, beliau dipersendakan oleh pakar ekonomi dari seluruh dunia dengan menuduh Perdana Menteri lari daripada 'masalah sebenar' di Malaysia.

Begitu juga, apabila Dr Mahathir melaksanakan kawalan tukaran asing berkuatkuasa 1 September 1998, Malaysia menerima kritikan hebat pakar ekonomi dari seluruh dunia.

"Namun, selepas 18 bulan krisis ekonomi melanda ekonomi Asia, dunia kini mula melihat dan menyedari keberkesanan dalam mencegah spekulator serta menghalang mereka daripada terus membawa lebih banyak keburukan dan ketidakstabilan terhadap ekonomi.

"Hari ini, keperluan kepada perubahan struktur kewangan antarabangsa diperakui dan diterima pakai dunia, termasuk IMF dan Clinton," katanya MTEN dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Kenyataan MTEN itu mengetengahkan rencana dalam Wall Street Journal yang memetik Clinton sebagai berkata: "Apabila aliran kemasukan modal ke pasaran baru muncul susut secara mendadak, bila berjuta-juta golongan kelas pertengahan tiba-tiba menjadi miskin, keperluan kepada pembaharuan sistem kewangan antarabangsa adalah jelas.

NEAC berkata, tekanan terhadap pemimpin dunia untuk pembaharuan dalam struktur kewangan dunia semakin meningkat, terutama di negara maju kerana mereka kini menerima kesan daripada masalah berkenaan.

Lebih banyak kerajaan kini menyedari keperluan untuk mengawal kemasukan wang jangka pendek di samping mendidik pelabur dan tidak menggalakkan pinjaman sembarangan daripada bank," katanya.

NEAC juga berkata, penasihat ekonomi kerajaan, Salomon Smith Barney, menegaskan bahawa sebarang usaha pencegahan ke atas pembiayaan (kewangan) akan menjadi kaedah paling berkesan untuk menghapuskan kegiatan dana lindung nilai.

Menurut NEAC, Salomon percaya langkah kekal dalam menghadkan leveraj (gandaan pembiayaan) dalam sistem kewangan antarabangsa oleh negara maju (G7) akan juga memberi kesan positif kepada penyebaran bon Malaysia.

(END)